

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih

Pengenalan

Kami adalah sekumpulan wanita Islam yang sedang mengkaji dan menyelidik tentang kedudukan kaum wanita dalam agama Islam. Sebagai Muslimat kami telah bergabung tenaga demi mencapai segala hak yang telah diberikan kepada kami oleh Islam.

Kebangkitan kembali Islam dalam masa dua dekad kebelakangan ini telah menjejas kehidupan umat Islam di seluruh dunia. Inilah yang telah mendorongkan kebanyakan Muslimin dan Muslimat untuk berusaha memahami kembali makna ajaran Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh (al-din). Kami percaya bahawa Muslimat dan Muslimin hendaklah terlibat dalam kehidupan ummah sebagai rakan kongsi yang saksama dalam melaksanakan ikhtiar mulia ini.

Yang kami bimbangkan adalah beberapa sikap tertentu terhadap kaum wanita yang terdapat di dunia Islam dewasa ini. Sejak mula lagi, Islam menjadi agama yang membebaskan dan mempertingkatkan martabat kaum wanita dan memberi mereka hak-hak yang dianggap revolusioner 1400 tahun dulu. Meskipun semangat tersebut semarak sewaktu Islam baru di asaskan, namun amalan-amalan Islam hari ini sering menindas kaum wanita dan menafikan mereka keaksamaan dan kemuliaan diri seperti yang telah ditentukan untuk mereka oleh al-Qur'an.

Penyelidikan kami menunjukkan bahawa tafsiran-tafsiran al-Qur'an yang mendorong penindasan wanita ini telah dipengaruhi oleh prasangka dan nilai-nilai budaya yang menganggap wanita sebagai rendah kedudukannya dan tunduk kepada kaum lelaki. Penindasan wanita bukanlah akibat ajaran agama Islam, tetapi akibat kegagalan manusia memahami dan menghayati hikmah Allah swt.

Usaha kami mengkaji kembali al-Qur'an dan mempelajari wahyu Allah swt untuk memahami maksudnya yang sebenar, merupakan pengalaman yang telah membuka luas cakrawala jiwa kami. Al-Qur'an mengajar kaum lelaki dan wanita agar saling 'menyayangi dan mengasihani' (30:21), bahawa lelaki merupakan pakaian bagi wanita dan demikian pula sebaliknya (2:187), 'baik kamu seorang lelaki maupun seorang wanita, kamu adalah saling lengkap melengkapi' (3:195), dan bahawa 'lelaki dan wanita adalah pelindung antara satu dengan yang lainnya' (9:71).

Semangat kesaksamaan dan keadilan inilah – yang telah diperintahkan bertubi-tubi oleh al-Qur'an yang membimbing segala usaha kami. Penemuan-penemuan ini ingin kami kongsikan dengan saudara Muslimin dan Muslimat kami dengan harapan bersama-sama kita menjadikan dunia baharu yang segar, dihiasi oleh kesaksamaan dan keadilan.

Sisters in Islam
Julai 1991

ADAKAH WANITA DAN LELAKI SAKSAMA DI SISI ALLAH?

1. Adakah wanita dan lelaki dicipta Allah saksama dan setaraf?

Dalam al-Qur'an, penciptaan wanita dan penciptaan lelaki tidaklah dibezakan dari segi nilainya. Al-Qur'an menyatakan: 'dan bagi semua telah kami ciptakan pasangannya (zawjain)' (51:49). Beberapa ayat lain dalam al-Qur'an juga menyebut tentang sifat berpasang-pasangan dalam ciptaan (53:45, 78:8, 50:7, 22:5, 36:36). (Allah dan dengan yang demikian Allah swt bukanlah sebahagian daripada satu pasangan).

Dalam penciptaan manusia, lelaki dan perempuanlah yang merupakan pasangan. Oleh kerana semua yang dicipta mesti mempunyai pasangannya, maka kedua-dua lelaki dan perempuan dimestikan wujudnya sebagai akibat penciptaan. Tidak ada yang mendahului di antara kedua-duanya. Ini bermakna bahawa dalam mencipta manusia, Allah swt tidak memberi keutamaan atau kelebihan kepada lelaki atau wanita. Namun demikian, akibat beberapa faktor sejarah dan budaya, kebanyakan umat Islam mempercayai bahawa Allah swt telah mencipta wanita dari tulang rusuk lelaki. Sebagai akibat andaian tentang asal usulnya itu, maka wanita dianggap sebagai terbitan tambahan dan "ciptaan yang kedua"; lelaki dianggap utama dan lebih mulia daripada wanita; dan kaum wanita dianggap sebagai alat untuk dipergunakan oleh kaum lelaki.

Kepercayaan ini telah terpahat dalam pemikiran urnat Islam, menyebabkan penderitaan yang tidak terkira terhadap kaum wanita sepanjang zaman. Yang lebih penting, fahaman tersebut bercanggah dengan semangat sebenar ajaran al-Qur'an. Seperti yang diperkatakan di atas, segala sesuatu dicipta berpasang-pasangan. Oleh yang demikian, yang satu tidaklah terbit dari yang satu lagi, atau melebihi yang satu lagi. Yang satu itu tidak bertaraf lebih tinggi daripada yang satu lagi. Yang satu itu bukanlah dihasilkan dari yang satu lagi. Kaum wanita bukanlah dicipta untuk kegunaan kaum lelaki, sebaliknya kedua-duanya dicipta untuk saling memanfaatkan antara yang satu dengan yang lainnya.

2. Adakah wanita dan lelaki dicipta serupa?

Tidak. Kedua-duanya tidak dicipta serupa. Dari segi biologi, wanita dan lelaki sudah tentu tidak serupa. Tetapi perbezaan ini tidaklah membawa erti bahawa wanita dan lelaki berbeza dari segi nilainya. Bagi Allah swt, Muslimat dan Muslimin adalah peserta yang setara dalam segala bidang kehidupan umat Islam. Dalam beberapa ayat al-Qur'an (33:35-36, 9:71, 4:124, 3:195, 40:40, 16:97), Allah secara khusus bercakap kepada kedua-dua wanita dan lelaki, memberikan mereka peranan dan tanggungjawab yang sama dalam kehidupan rohaniah dan dalam perjuangan Islam, serta menjanjikan ganjaran dan balasan yang sama bagi segala tindakan mereka.

Orang-orang yang beriman, lelaki dan wanita, adalah teman yang saling melindungi (saling jaga menjaga) antara satu dengan lainnya: Mereka mengerjakan yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka ta'at kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. Allah menjanjikan kepada orang-orang yang mukmin, lelaki dan perempuan, (akan mendapat) syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, kekal mereka di dalamnya. (9:71-72)

Oleh kerana dalam segala hal rohaniah taraf sama yang diberikan kepada wanita dan lelaki bukan sahaja diiktiraf, malah dituntut oleh al-Qur'an, maka tentulah lebih-lebih lagi demikian halnya dalam hal-hal yang bersifat duniaawi.

3. Adakah perkara-perkara tertentu yang dikhaskan hanya untuk dilakukan oleh wanita atau lelaki sahaja dalam masyarakat Islam?

Meskipun hanya wanita boleh dan melahirkan anak, namun tidak terdapat apa-apa dalam al-Qur'an yang mengkhususkan sesuatu hanya kepada kaum lelaki. Malahan peranan risalah (yakni menjadi Rasul) tidak merupakan peranan yang dikhkususkan kepada kaum lelaki sahaja tetapi hanya dikhususkan kepada segolongan individu yang luar biasa sahaja. Ayat 21:7-8 al-Qur'an menyatakan bahawa para rasul merupakan lelaki hanya untuk menjelaskan bahawa mereka adalah manusia, bukannya malaikat.

Kepercayaan bahawa hanya lelaki yang boleh menjadi pemimpin merupakan kepercayaan yang karut kerana baik al-Qur'an maupun Hadis tidak menyatakan bahawa wanita tidak dibenarkan memimpin. Sesungguhnya al-Qur'an memuji mutu kepimpinan Ratu Bilqis, raja negeri Sheba (27:23-44).

Mutu Bilqis sebagai pemimpin yang baik tidaklah diukur dari segi jantinanya, tetapi dari segi:

- i) kemampuannya memenuhi tuntutan jawatannya
- ii) kemahiran politiknya
- iii) kemurnian taqwanya
- iv) kebijaksanaannya yang mantap

Prinsip yang digunakan di sini adalah prinsip orang yang paling sesuai untuk memenuhi tuntutan kepimpinan yang baik lagi berkesan. Jika seorang wanita berkelayakan dan yang paling cocok untuk menyempurnakan sesuatu tugas, maka tidaklah terdapat sebarang nas al-Qur'an yang menghalangnya melaksanakan tugas tersebut, semata-mata atas alasan jantinanya.

4. Apakah permasalahan berhubung dengan tafsiran ajaran al-Qur'an tentang persamaan hak antara wanita dan lelaki dalam Islam?

Penindasan wanita Islam diasaskan pada suatu tanggapan yang salah bahawa wanita dan lelaki kononnya tidaklah setaraf menurut pandangan Islam. Terdapat beberapa alasan lain yang menyebabkan wujudnya salah tanggapan ini.

(i) Salah satu masalahnya adalah pengasingan sebuah ayat al-Qur'an dari konteksnya, lalu menjadikannya suatu tuntutan moral yang bersifat sejagat. Misalnya, Muslimin dan Muslimat yang menganggap poligami sebagai "hak" kaum lelaki telah megalahkan hakikat bahawa ayat 4:3, menyatakan bahawa "sekiranya engkau tidak boleh berlaku adil terhadap anak-anak yatim itu, maka kahwinilah wanita-wanita pilihan kamu, dua, tiga atau empat...". Jelaslah dari wahyu ini bahawa poligami tidaklah merupakan hak, melainkan satu tanggungjawab untuk memastikan bahawa anak-anak yatim diberi layanan yang adil. Namun dari segi amalannya, poligami jarang sekali dihubungkan dengan persoalan penjagaan anak-anak yatim.

Ayat tersebut seterusnya menyatakan: "Sekiranya engkau tidak pasti engkau dapat melayani mereka secara adil, maka (kahwinilah) satu sahaja". Jelaslah bahawa al-Qur'an tidak menganjurkan poligami. Tafsiran ini diperkuuhkan pula oleh ayat 4:129 yang menyatakan "Engkau tidak akan sekali-kali dapat berlaku adil terhadap isteri-isterimu, sungguhpun itulah tujuan kamu yang sebenarnya." Apabila al-Qur'an dengan jelasnya menekankan betapa perlunya bersikap adil terhadap wanita, dan si suami perlu memberikan layanan adil kepada isteri-isterinya, turut juga disedari betapa mustahilnya syarat-syarat tersebut dapat dipenuhi dengan sempurna (4:129). Justeru itu, dapatlah ditafsirkan bahawa al-Qur'an sebenarnya menyarankan monogami sebagai bentuk perkahwinan yang asal lagi dimuliakan dalam Islam (4:3).

Amatlah penting bagi umat Islam membaca dan memahami segala sesuatu yang dinyatakan oleh al-Qur'an tentang sesuatu perkara tertentu. Sesuatu ungkapan atau ayat al-Qur'an tidaklah boleh dipetik terpisah dari keseluruhan konteksnya atau secara berasingan, kerana al-Qur'an merupakan kitab yang tersepdu lagi menyeluruh kandungannya.

(ii) Al-Qur'an diturunkan berperingkat-peringkat dalam jangka waktu 23 tahun. Sebagai contoh, meskipun wahyu-wahyu yang awal tidak mendorongkan bahan-bahan yang memabukkan dan perjudian (2:219, 4:43), namun ayat-ayat yang kemudian dengan jelasnya mengecam dan melarang perbuatan-perbuatan tersebut (5:93-94). Jika seseorang mendakwa bahawa amalan minum arak dibenarkan oleh al-Qur'an berdasarkan ayat 2:219, maka alasannya itu perlulah disanggah dengan mengemukakan ayat-ayat 5:93-94 yang menunjukkan bahawa Islam mengharamkan kegiatan tersebut. (Contoh penerapan kaedah ini berhubung dengan persamaan taraf lelaki-wanita dikemukakan dalam soalan 6).

(iii) Selain itu, al-Qur'an diturunkan dalam sesuatu kerangka sejarah kemasyarakatan. Beberapa ulama tradisional berpendapat bahawa meskipun sesuatu ayat itu diakibatkan oleh keadaan yang tertentu, namun ayat tersebut boleh diterapkan secara sejagat. Umpamanya, pada ayat 2:282 terdapat nas yang mensyaratkan dua orang saksi bagi setiap urusan perdagangan dan perjanjian tertulis. Saksi-saksi tersebut bolehlah terdiri dari dua orang lelaki dewasa yang boleh dipertanggungjawabkan atau seorang lelaki dan dua orang wanita, 'supaya jika salah seorang daripada mereka (wanita) tersilap, maka yang satu lagi boleh membantu mengingatkannya.' Semasa ayat ini diturunkan wanita lazimnya tidak terlibat dalam urusan perniagaan dan kewangan. Untuk memastikan keadilan terlaksana, maka seorang lagi wanita diperlukan untuk memberi ingatan jika seorang yang lagi tersilap. Akan tetapi, sejumlah para ulama tradisional telah menganggap situasi yang khusus ini sebagai sesuatu yang bersifat sejagat lalu menjadikan hukum menyamakan dua saksi wanita dengan satu saksi lelaki itu hukum alam yang lumrah.

Kita amat perlu memahami konteks sesuatu ayat al-Qur'an itu diwahyukan supaya nilai dan prinsip yang tersirat disebaliknya dapat kita fahami. "Untuk terus-menerus rnenekankan pelaksanaan peraturan-peraturan yang terdapat dalam al-Qur'an secara harfiah, tidak mengendahkan perubahan-perubahan sosial yang telah berlaku dan yang jelasnya sedang berlaku di hadapan mata kita, sama ertiya dengan secara sengaja menafikan cita-cita serta tujuan moral dan sosialnya."ⁱ

Oleh yang demikian, tafsiran bahawa kenyataan seorang wanita dianggap kurang dapat dipercayai berbanding dengan kenyataan seorang lelaki, kerana kaum wanita kurang berpengalaman dari segi urusan kewangan, seharusnya dihadkan kepada konteks sosio-sejarah itu sahaja Pada zaman moden ini. ketika para wanita telah berpelajaran tinggi dan terlibat dalam bidang-bidang perniagaan dan kewangan, perintah tersebut perlulah ditafsirkan kembali. Nilai yang tersirat di sebalik perintah tersebut adalah bahawa keadilan hendaklah dilaksanakan. Dalam keadaan para wanita telah mempunyai taraf pendidikan yang sama dengan lelaki dan kemahirannya dalam bidang perniagaan sama seperti lelaki, maka tidaklah ada sebab mengapa keterangan yang diberi oleh wanita tidak sama nilainya dengan keterangan yang diberi oleh seorang lelaki.

Mengemukakan pendapat yang sebaliknya bererti mengemukakan satu cemuh terhadap penekanan yang diberikan oleh al-Qur'an akan keadilan dan kesaksamaan di kalangan umat manusia. Perlu diingat bahawa meskipun al-Qur'an mengemukakan jawapan bagi persoalan-persoalan sejarah tertentu yang konkret dan menentukan hukum baginya, namun Kitab Suci itu juga menyediakan, baik secara terang-terangan maupun secara terselindung, alasan-alasan yang terdapat di sebalik penyelesaian-penyelesaian dan hukum-hukum tersebut. Dengan mempertimbangkan alasan-alasan ini barulah prinsip-prinsip asasnya dapat difahami. Prinsip-prinsip asas yang diperolehi dari ayat-ayat suci al-Qur'an inilah, dan bukannya kes-kes sosio-sejarah tertentu, yang mempunyai kesahihan abadi.

5. Ayat 4:34 lazimnya disebut sebagai alasan untuk mengabdikan kaum wanita dalam Islam. Bagaimanakah sewajarnya ayat ini ditafsirkan?

Surah Al-Nisa ayat 34 menyatakan:

Lelaki mempunyai qawwamuna terhadap wanita, (berasaskan bahawa) Allah mengutamakan (faddala) sebahagian daripada mereka berbanding dengan yang lainnya dan berasaskan apa telah dibelanjakan oleh mereka daripada harta mereka (untuk menanggung wanita)...

Ayat di atas telah salah ditafsirkan sehingga membawa makna:

- i) Kaum lelaki berkuasa terhadap kaum wanita.
- ii) Semua lelaki lebih tinggi kedudukannya daripada semua wanita.

- i) Adakah kaum lelaki mempunyai kuasa terhadap kaum wanita?

Pada awal ayat ini al-Qur'an menetapkan bahawa kaum lelaki adalah qawwamuna (bertanggungjawab) terhadap kaum wanita. Ini tidaklah bermaksud bahawa wanita tidak mampu mengendalikan hal ehwal mereka sendiri, rnengawal diri sendiri atau menjadi seorang pemimpin, baik di kalangan kaum wanita, di kalangan kaum lelaki dan wanita, maupun dalam pemerintahan negara sebagaimana yang sering disangkakan. Sebaliknya, ayat ini bertujuan menekankan tanggungjawab lelaki melindungi dan menyara kehidupan wanita dalam suatu kerangka sosial yang terbatas. Secara biologisnya, hanya wanita yang mampu melahirkan generasi-generasi baru Mukminin dan Mukminat. Al-Qur'an menyarankan kcseimbangan sosial yang harmonis dengan menekankan pembentukan hubungan saling bertanggungjawab itu bagi lelaki demi memungkinkan peranan biologis wanita itu dilaksanakan dengan sempurna. Ayat ini tidak memberikan kelebihan yang mutlak terhadap lelaki, tetapi memberikan tekanan terhadap hubungan yang saling bertanggungjawab dalam masyarakat.

Bertanggungjawab tidaklah bererti berkedudukan lebih tinggi.

Dalam al-Qur'an, tanggungjawab dan keistimewaan adalah berhubung-kait. Sesiapa yang mempunyai hak istimewa, dan mempunyai kemudahan-kemudahan lainnya, juga mempunyai tanggungjawab yang lebih besar, dan demikianlah juga sebaliknya.ⁱⁱ

Tanggungjawab kebendaan kaum lelaki dalam al-Qur'an, yakni mereka diamanahkan tanggungjawab menyediakan sara hidup wanita, membawa bersamanya faedah-faedah yang bersangkutan (seperti jumlah warisan harta yang lebih besar).

- ii) Adakah semua lelaki lebih tinggi tarafnya daripada semua wanita?

Al-Qur'an tidak berkata bahawa "semua lelaki lebih tinggi tarafnya dari semua wanita". Kitab suci itu juga tidak menyatakan bahawa semua lelaki lebih diutamakan Allah daripada semua wanita. Kelebihan yang diberi ditentukan dengan jelasnya oleh al-Qur'an. Kaum lelaki diberi beberapa faedah kebendaan tertentu, yang membawa tanggungjawab-tanggungjawab tertentu (atau sebaliknya). Apabila al-Qur'an berkata

bahawa "Allah mengutamakan sebahagian daripada mereka berbanding dengan yang lainnya", maka Kitab Suci itu sekadar menggunakan bahasa umum yang selaras dengan hakikat ciptaan yang dapat ditanggap: ada makhluk yang mempunyai lebih dari yang lain - malahan ada manusia yang mempunyai lebih dari manusia yang lain. Tidak semua lelaki pada setiap masa mempunyai kelebihan bila dibandingkan dengan semua wanita, atau semua wanita setiap masa mempunyai kelebihan berbanding dengan semua lelaki.

Gambaran tentang aturan sangat alam ciplaan ini adalah penting ertiannya dalam perbincangan kita tentang hubungan antara hak istimewa dan tanggungjawab. Ada orang yang lebih berkeuntungan daripada yang lain, dan dengan itu tanggungjawabnya juga bertambah dengan ukuran yang setimpal. Kaum lelaki mempunyai keuntungan dan segi kebendaan, dan tanggungjawabnya juga menjadi lebih: "berbelanja unluk menyara hidup kaum wanita".

Ayat ini perlu dibataskan pengertiannya kepada perkara-perkara yang khusus itu sahaja, atas dua alasan;

- (a) hanya dengan pembatasan itu barulah ayat tersebut selaras dengan keutamaan-keutamaan yang ditekankan dalam al-Qur'an bagi penilaian manusia: "yang paling mulia di kalangan kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertaqwa" (49:13).
- (b) diskriminasi sembarang yang dihasilkan akan memporakperandakan hubungan antara wanita dan lelaki.

Kedua-dua alasan ini boleh membawa akibat negatif terhadap kesejahteraan batin kaum lelaki. Jika mereka terbawa-bawa dengan kepercayaan bahawa sifat mereka secara mutlaknya lebih baik daripada wanita tanpa perlu berusaha lagi, maka mereka mungkin tidak akan berusaha untuk memantapkan taqwa, usaha yang perlu mereka lakukan supaya benar-benar dapat dianggap mulia di sisi Allah swt.

6. Ayat-ayat lain yang manakah yang menyentuh soal kesaksamaan dan hubungan saling perlu-memerlukan dalam hubungan antara kaum wanita dan lelaki?

Dengan berkembangnya masyarakat Islam di Madinah menjadi sebuah negara yang sempurna, maka Allah telah mengingatkan kaum wanita dan lelaki tentang kesaksamaan dan tanggungjawab bersama dalam hubungan antara mereka. Pernyataan ini dapat dilihat dalam beberapa ayat al-Qur'an yang telah diabaikan oleh kebanyakan para ulama dalam pernyataan-pernyataan mereka sendiri tentang hubungan antara wanita dan lelaki dalam Islam.

Dalam ayat 2:187, al-Qur'an menggambarkan Muslimin dan Muslimat sebagai yang satu merupakan pakaian bagi yang lainnya. Dalam kupsannva terhadap al-Qur'an, Abdullah Yusuf Ali telah menggambarkan pertanyaan tersebut sebagai bermakna bahawa wanita

dan lelaki ‘adalah saling bantu-membantu, demi keselesaan keselamatan bersama, yang satu cocok dengan yang lainnya bagaikan pakaian yang membalut tubuh.”ⁱⁱⁱ

Dalam ayat: 3:195, al-Qur'an berkata: "baik kamu lelaki maupun wanita, kamu saling lengkap melengkapi antara satu dengan lainnya" (ba'dukum mim b'adin). Ayat ini seterusnya menyentuh tentang peranan wanita disamping lelaki dalam memperjuangkan syiar Islam, termasuklah hijrah dan jihad, dan ganjaran yang sama dijanjikan untuk kedua-duanya.

Ayat 9:71, yang dipetik dalam soalan kedua, merupakan ayat terakhir mengenai hubungan wanita/lelaki. Melalui ayat tersebut al-Qur'an menghuraikan tentang wanita dan lelaki sebagai 'awliyya - sahabat dan penjaga yang saling melindungi. Dan ayat itu juga menyentuh tentang tanggungjawab wanita dan lelaki dalam Islam, seperti mendorongkan keadilan dan menghalang kejahatan serta mengamalkan ibadah sembahyang, zakat, dan tunduk kepada Allah serta Rasul.

Diturunkan pada tahun 8 Hijrah, pada penghujung hayat Rasullullah saw, ayat ini menyimpulkan cara hidup Islam mengenai hubungan antara wanita dan lelaki sebagai pelindung dan sahabat di antara satu dengan lainnya. Ayat itu menyimpulkan semangat kesaksamaan dan saling perlu-memerlukan yang diajarkan oleh al-Qur'an dalam hubungan antara wanita dan lelaki.

Justeru itu, jelaslah kepada kita bahawa sifat-sifat kebenaran, kebijaksanaan dan keindahan semesta al-Qur'an akan terus menerus menyinarkan cahayanya, memberikan petunjuk kepada kita bukan sahaja dalam hal ehwal kehidupan seharian tetapi juga terhadap persoalan-persoalan yang dihasilkan oleh salah tafsiran yang telah terjadi kepada utusan mulianya. Penyelesaian kepada masalah yang timbul dalam hubungan antara wanita dan lelaki boleh diketemukan melalui penelitian rapi akan utusan mulia itu demi menyerlahkan hikmah mutlak al-Qur'an berhubung dengan hubungan yang sedemikian halus: untuk membina "rasa kasih dan sayang" (30:21) di antara mereka.

ⁱ Fazlur Rahman. Islam & Modernity - Transformation of an Intellectual Tradition, (Chicago: The University of Chicago Press, 1982), hal 19.

ⁱⁱ Dengan itu, yang kaya mernpunyai lebih banyak tanggungjawab daripada yang miskin; yang bebas mempunyai lebih banyak tanggungjawab daripada yang diperhamba; rasul-rasul mernpunyai tanggungjawab yang lebih daripada orang biasa.

ⁱⁱⁱ Kitab Suci al-Qur'an, teks, terjemahan dan kupasan oleh Abdullah Yusuf Ali. Singapore: The Muslim Converts Association of Singapore), hal 74.